

Jumaat, Mei 03 2019



PUTRAJAYA: Kementerian Kewangan mengekalkan unjuran pertumbuhan 4.9 peratus negara pada tahun ini, meskipun bacaan Indeks Pengurus Belian (PMI) Pembuatan Nikkei menunjukkan kemungkinan ekonomi mampu berkembang sehingga 5.2 peratus.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, berkata kementerian menyambut baik bacaan terkini PMI bagi Malaysia, yang melonjak ke paras tertinggi dalam tempoh tujuh bulan pada 49.4 mata April lalu, berbanding 47.2 mata bulan sebelumnya.

"Pertumbuhan ekonomi Malaysia yang berterusan dan mampan menunjukkan bahawa pelan pembangunan dan pemulihan ekonomi adalah mengikut perancangan dan sasaran yang ditetapkan oleh kerajaan Pakatan Harapan.

"Kerajaan akan terus berusaha untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat dengan memberi penekanan kepada perkembangan ekonomi berkualiti tinggi.," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Kenaikan PMI April antara lain disumbangkan oleh peningkatan tempahan eksport, pertumbuhan pekerjaan, pelaburan untuk kilang dan jentera baharu, selain keyakinan perniagaan yang bertambah baik bersandarkan kepada dasar lebih jelas daripada agenda pembaharuan kerajaan.

Malah, mengikut bacaan PMI terbitan Nikkei itu, keyakinan perniagaan sekarang berada pada tahap tertinggi sejak Oktober 2013.

Pada masa yang sama, penambahan pelaburan baharu adalah kesan langsung kejayaan kerajaan dalam meningkatkan pelaburan langsung asing (FDI) yang diluluskan sebanyak 48 peratus kepada RM80.5 bilion pada 2018, berbanding RM54.5 bilion pada 2017.

Sejajar dengan unjuran lebih positif, Nikkei turut menjelaskan bahawa pemilik kilang meningkatkan pengambilan pekerja, dengan kadar penggajian meningkat pada April pada kadar terpantas dalam tempoh tujuh bulan, yang mana pelaburan bagi jentera baharu dan pembesaran kilang dilaporkan telah mendorong pengambilan lebih banyak pekerja.